## HUBUNGI KAMI DI :

**Mahkamah Rayuan Syariah / Tinggi Syariah / Mahkamah Rendah Syariah Daerah Melaka Tengah**

Lot 2434, Blok D,
Kompleks Mahkamah Melaka,
Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka.
Tel. : 06-2332061 / 2313903
Faks : 06-2313913

**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin**

Kompleks Pejabat Agama dan Mahkamah Syariah Jasin,
Daerah Jasin,
77000 Jasin, Melaka.
Tel. : 06-5295721
Faks : 06-5295758

**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Alor Gajah**

78000 Alor Gajah, Melaka.
Tel. : 06-5561797
Faks : 06-5561837

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

محكمه شرعية نكري ملاك

# MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA




# PERMOHONAN PERKAHWINAN

## Melalui Mahkamah

## PERMOHONAN PERKAHWINAN MELALUI MAHKAMAH

Mengikut Undang-Undang Keluarga Islam yang sedang berkuatkuasa di semua negeri di Malaysia, permohonan kebenaran berkahwin hendaklah dimohon melalui pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di mana tempat perempuan itu bermastautin. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kes yang perlu dirujuk oleh Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk kepada Mahkamah Syariah untuk tindakan Hakim Syarie bagi mengeluarkan kebenaran berkahwin. Kes-kes tersebut ialah :

i. Permohonan lelaki di bawah umur 18 tahun dan perempuan di bawah umur 16 tahun.

**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :**

a. Borang Maklumat
b. Notis Permohonan & Afidavit
c. Surat Laporan dari JAIM
d. Salinan Kad Pengenalan
e. Salinan Sijil Kelahiran
f. Fi Mahkamah

ii. Permohonan seorang perempuan janda berhias iaitu perkahwinan oleh seorang perempuan yang mendakwa telah bercerai sebelum disetubuhi oleh suaminya.

**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :**

a. Borang Maklumat
b. Notis Permohonan & Afidavit
c. Surat Laporan dari JAIM
d. Salinan Kad Pengenalan
e. Salinan Sijil Nikah
f. Fi Mahkamah

iii. Permohonan perkahwinan Wali Hakim :

1. Tiada wali yang sah dari nasab
2. Wali Ghaib
3. Saudara baru atau Muallaf
4. Anak tak sah taraf
5. Wali Enggan
6. Wali dalam ihram haji/umrah
7. Wali tidak dapat dihubungi atas sebab darurat

**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :**

a. Borang Maklumat
b. Notis Permohonan & Afidavit
c. Surat Laporan dari JAIM
d. Salinan Kad Pengenalan
e. Salinan Sijil Kelahiran
f. Kad Akuan Islam (jika saudara baru)
g. Sijil Kematian Wali (jika telah meninggal dunia)
h. Salinan Sijil Nikah Ibubapa
i. Fi Mahkamah

iv. Permohonan berpoligami

**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :**

a. Borang Maklumat
b. Saman & Penyata Tuntutan
c. Salinan Sijil Nikah
d. Salinan Kad Pengenalan
e. Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak
f. Salinan Sijil Cerai bakal isteri / Sijil Mati
g. Slip Gaji / Surat Pengesahan Ketua Kampung jika bekerja sendiri
h. Fi Mahkamah
i. Lain-lain dokumen jika ada

- Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rendah Syariah di tempat pemohon itu bermastautin.